

Peningkatan Kes, Rakyat Kelantan Solat Hajat 40 Malam

Oleh Syahir Shukri@Md Nor

November 25, 2020 @ 10:45 am



Para jemaah menunaikan solat hajat mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) PKP iaitu dengan penjarakan sosial satu meter.

KOTA BHARU – Susulan peningkatan kes pandemik Covid-19 di Kelantan, rakyat di negeri itu mengambil inisiatif melaksanakan solat hajat selama 40 malam bermula 17 November 2020 yang lalu.

Imam Masjid Tok Kenali, Wan Farid Wan Mohamad Fauzi, 28, berkata, perkara itu diputuskan selepas menerima arahan daripada Yang Dipertua Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), Tengku Tan Sri Datuk Mohamad Rizam Tengku Abdul Aziz yang mengarahkan agar solat hajat, bacaan, Yasin dan doa selamat diadakan selama 40 malam.

“Perlaksanaan solat hajat dilakukan mengikut beberapa panduan Prosedur Operasi Standard (SOP) sebagaimana arahan yang dikeluarkan pihak MAIK bagi memutuskan rantaian penularan Covid-19,” jelasnya.

Mengulas lanjut, Wan Farid memaklumkan bahawa pihak masjid juga tidak terlepas pandang dalam memastikan pelaksanaan solat Jemaah dilakukan dengan membenarkan hanya 30 orang sahaja.



Para Jemaah berdoa selepas menunaikan solat hajat 40 malam agar covid-19 segera pulih

“Arahan ini dikecualikan kepada masjid-masjid atau surau yang terletak di kawasan-kawasan yang telah disahkan terdapat Covid-19.

“Majlis akad nikah yang diadakan di masjid-masjid juga hanya dibenarkan dengan kehadiran tidak lebih dari 20 orang sahaja,” katanya.

Beliau turut mendoakan moga segala usaha dan langkah yang diambil akan diperkenankan oleh Allah SWT.

“Didoakan wabak Covid-19 yang sedang mengancam negeri dan negara pada masa ini segera berakhir dan diangkat olehNya,” ujarnya.